

21/10/1998

Sidang ISC kupas isu kemiskinan

Rosmin Darus

ECUADOR dan Kyrgyz adalah dua negara baru yang akan menyertai Mesyuarat Ke-3 Jawatankuasa Pemandu Antarabangsa Mengenai Kemajuan Ekonomi Wanita Luar Bandar (ISC) yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Khamis ini.

Penasihat teknikal dan wakil peribadi kepada wanita pertama Malaysia, Dr Husna Sulaiman, yang ditemui di pejabat sekretariat ISC, semalam, memberitahu Berita Harian, dua negara berkenaan bagaimanapun, adalah sebagai undangan khas kerana belum menjadi ahli ISC.

Dua negara baru menjadi ahli dan turut sama dalam mesyuarat kali ini ialah China dan Uzbekistan. Negara ahli ISC lain yang akan hadir ke mesyuarat kali ini ialah Nigeria, Senegal, Belgium, Mesir, Jordan dan Magribi.

Jawatankuasa yang ditubuhkan pada 1992 di Geneva turut dianggotai isteri ketua-ketua kerajaan dari Angola, Gabon, Zambia, Turki dan Paraguay.

Mesyuarat kali ini juga akan menyaksikan kehadiran beberapa wanita pertama seperti Permaisuri Fabiola dari Belgium yang juga penaung ISC; Wanita Pertama Senegal, Elizabeth Diouf dan Wanita Pertama Nigeria, Fati Abubakar.

Dr Husna berkata, mesyuarat ISC kali ini memberi pendedahan baru kepada semua wanita pertama dan utusan khas wanita pertama negara peserta kerana mereka akan dibawa melawat ke Kampung Banghuris, Sepang, pada pagi Jumaat ini.

Banghuris mengandungi tiga kampung iaitu Kampung Bangkok, Kampung Teris dan Hulu Chuchuh dan perwakilan akan menyaksikan sendiri aktiviti wanita luar bandar yang berjaya dalam industri kecil dan sederhana (IKS).

"Antaranya melihat kejayaan seorang usahawan IKS wanita mengusahakan industri mi dan tauhu, melawat homestay eko-pelancongan dan sebuah klinik. Di situ nanti semua peserta akan diberi penerangan mengenai kesihatan ibu dan anak di negara ini," katanya.

Dua wanita luar bandar dari Malaysia yang berjaya dalam bidang keusahawanan juga akan menceritakan pengalaman masing-masing mengenai teknologi dan kemudahan pinjaman mikro.

Katanya, mesyuarat kali ini mengupas isu kemiskinan di kalangan wanita luar bandar, keluarga dan masyarakat yang dipecahkan kepada empat tema kecil iaitu pembangunan dan teknologi bersesuaian; mengurus dan mengekalkan alam sekitar; kepentingan IKS kepada wanita luar bandar, keluarga dan masyarakat serta menggerakkan kumpulan wanita luar bandar melalui perkongsian bistari di antara kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta.

Matlamat lain ialah mengkaji aktiviti lanjutan kepada deklarasi Geneva mengenai Kemajuan Wanita Luar Bandar; berkongsi dan bertukar idea serta maklumat mengenai teknologi dan sumber lain sekali gus pendekatan inovatif program atau projek yang berjaya serta mengenalpasti sumbangan wanita luar bandar dalam pembangunan kekeluargaan, kemasyarakatan, negara dan antarabangsa.

"Jarang sekali ada pihak yang bercakap mengenai teknologi untuk mengurangkan beban kerja wanita sekaligus meningkatkan produktiviti. Sehubungan itu, mesyuarat ISC, kali ini cuba mengupas mengenai isu itu kerana menyedari teknologi yang bersesuaian mampu menghapuskan kemiskinan," katanya.

Beliau berkata, semua wanita pertama dan utusan mereka juga akan diberi

penerangan mengenai penanaman secara hidroponik dan mengusahakan pasu hiasan kerana industri itu dipercayai boleh membantu mengeluarkan wanita daripada belunggu kemiskinan.

"Katanya, mesyuarat ini juga akan melantik presiden baru bagi mengetuai ISC untuk sesi 1998-2000. Dr Siti Hasmah ialah presiden untuk tempoh 1996-1998," katanya.

(END)